

**PENERAPAN UNSUR-UNSUR SENI BINA ISLAM  
DI DALAM SENI FIBER**

**OLEH :**

**WAN SALWANA WAN SULAIMAN**

**KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
1996**

## SINOPSIS

Penulisan ini adalah merupakan satu bentuk kajian tentang Seni Bina Islam. Ianya mendedahkan serta mendokumenkan kepada umum mengenai peringkat-peringkat yang perlu dilakukan sehingga terhasil reka corak yang menarik di atas hasil karya penulis.

Buku ini juga turut memaparkan aspek kaji selidik yang dijalankan untuk mendapatkan 'subject matter' yang menarik. Salah satu bentuk Seni Bina Islam yang menarik ialah masjid yang mempunyai bentuk struktur rangka yang berlainan jenis beserta pula dengan adanya unsur-unsur dekoratif yang terdapat di sebahagian dalam atau luar bangunan tersebut.

Di samping itu juga, kemasukan struktur binaan seperti Kubah, Mihrab, Menara dan juga pintu gerbang (arked) telah memperkayakan lagi pengkajian, perbincangan dan menjadikan ia sebagai sumber maklumat penulisan. Ia juga dapat memberikan perubahan dalam rekaan serta dapat mengwujudkan sedikit kelainan dalam penghasilan karya dan juga penulisan.

## PENGENALAN

Seni fiber adalah merupakan salah satu bidang yang menca-  
bar dewasa ini. Ia bukan saja menghasilkan kain tenunan,  
malahan mencakupi aspek penghasilan objek berasaskan kain. Ia  
juga meliputi objek sama ada bentuk '2 D' atau '3 D' yang mana  
mempunyai unsur-unsur dekoratif, simbolik serta juga sebagai  
objek gunaan yang memberikan nilai-nilai estetik yang menar-  
ik.

Dalam masyarakat Malaysia, seni fiber diistilahkan dengan  
seni tenunan. Ianya merangkumi kepada dua jenis penghasilan  
iaitu yang menggunakan alat tenun atau Akik (Loom) dan juga  
tanpa akik (off-loom). Mikrami adalah merupakan salah satu  
daripada contoh kaedah yang tidak menggunakan akik. Kedua-dua  
kaedah ini adalah hasil kreativiti masyarakat zaman dahulu  
yang menggunakan kaedah ini untuk mencipta kain-kain tradi-  
sional dan tali-tali. Tetapi sekarang, penghasilan bahan ini  
masih bersifat sebagai bahan gunaan seperti beg, tikar, kain  
dan juga disamping sebagai bahan hiasan seperti bantal perhia-  
san, hiasan dinding dan sebagainya.

Penulis telah mencipta atau mengambil bentuk tersebut kerana berpegang kepada bentukan seni bina pada zaman dahulu iaitu 'Piramid'. Segi tiga yang telah diubahsuaikan tersebut telah diabadikan ke dalam karya penulis.

Pada karya kedua dan ketiga pula, penulis telah menghasilkan karya berkenaan dalam bentuk 2 dimensi. Pembentukannya hanyalah berlandaskan kepada 'Frem' pada permukaan dalaman kain tersebut. Ini telah menimbulkan kekemasan bagi karya berkenaan. Kolaj yang dihasilkan terus dilekatkan di atas karya berkenaan. Ini tidak perlu lagi ditimbulkan atau dibentuk kerana kalau dilihat, karya ini seolah-olah 'realiti' kerana ianya berdasarkan kepada 'reality drawing'.

Manakala pada karya yang keempat pula, pembentukannya adalah juga dalam bentuk 2 dimensi tetapi terdapat relief. Bentuk relief yang dihasilkan di sini dapat dihayati sekadar  $180^{\circ}$  bukannya  $360^{\circ}$ .

Relief yang dimaksudkan ialah penggunaan 'photo' masjid yang berukuran 60 x 15 inci yang ditimbulkan dengan melekatkan 'plysterin' di dalamnya. Photo berkenaan sebelum itu telah dianyam dengan menggunakan kertas 'trasing paper'. Setelah itu 'plysterin' yang ditampalkan dengan photo berkenaan dilekatkan pada karya yang keempat. Maka terbentuklah relief yang berbentuk 2 dimensi.

FOTO : KARYA YANG DIHASILKAN

## 1.2 APA ITU SENI BINA ISLAM

Jika di teliti, perkembangan seni bina di Sepanyol, Turki, Mesir, India dan lain-lain negara di dunia ini adalah merupakan sesuatu yang amat mengagumkan. Tetapi ingin sekali penulis menerangkan secara terperinci lagi apa yang dimaksudkan dengan seni bina Islam. Kalau ditakrifkan pengertiannya, seni bina islam adalah melambangkan sesuatu kebudayaan yang berlandaskan kepada agama Islam. Tetapi ianya bukan hasil seni bina sesuatu bangsa atau tempat, tetapi ia adalah hasil dari berbagai tempat dan taraf kebudayaan sesebuah negara islam.

Walaupun seni bina Islam itu berasal dari negara Timur Tengah yang tandus dan kering, namun ia tetap mempunyai elemen-elemen seni bina yang menarik. Jadi tidak hairanlah, timbulnya perbezaan dari segi elemen seni binanya kerana faktor cuaca yang berbeza telah membawa kepada penggunaan bahan binaan yang berlainan.